



SISTEM ePEROLEHAN PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



PERANAN - PERANAN PENGGUNA

1. Pengguna-pengguna yang terlibat di dalam Sebut Harga atau Tender adalah seperti berikut:-

- i. Urusetia
- ii. Pelulus
- iii. Telecenter
- iv. Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal
- v. Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Teknikal
- vi. Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Kewangan
- vii. Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
- viii. Pengerusi Lembaga Tender
- ix. Pembekal

2. Maklumat terperinci setiap peranan ada seperti di jadual di bawah;

PERANAN PENGGUNA	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	PERANAN BOLEH DIJALANKAN OLEH
Urusetia	<ul style="list-style-type: none">• Mendapatkan kelulusan MITI sekiranya melibatkan barangan impot.• Mencipta permintaan Sebut harga/ Tender.• Memasukkan ke dalam sistem maklumat Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal, Penilaian Teknikal dan Penilaian Kewangan berdasarkan surat perantikan rasmi jabatan/kementerian.• Memuatnaik dokumen Sebutharga/Tender ke dalam sistem.• Pelawaan pembekal secara atas talian (Sebutharga sahaja)• Membuka Sebutharga/ Tender selepas ditutup secara atas talian• Menyatukan Laporan Penilaian yang diserahkan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan untuk di bawa ke Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none">• Lebih dari seorang pegawai memainkan peranan ini di PTJ• Sesiapa yang dilantik menjadi setiausaha Jawatankuasa Sebutharga



SISTEM ePEROLEHAN PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



PERANAN PENGGUNA	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	PERANAN BOLEH DIJALANKAN OLEH
	Jawatankuasa Sebutharga/ Lembaga Tender	
Pelulus	<ul style="list-style-type: none">• Melulus/meminda permintaan Sebutharga/ Tender• Melulus/meminda Jawatankuasa yang telah di masukkan ke dalam sistem oleh Urusetia• Melulus/meminda Spesifikasi Teknikal, kriteria Penilaian Teknikal dan kriteria Penilaian Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penolong Pegawai Tadbir atau;• Pegawai yang bertanggungjawab mengurus perbelanjaan/ peruntukkan PTJ/ Jabatan
Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal	<ul style="list-style-type: none">• Memasukkan maklumat Spesifikasi Teknikal & kriteria Penilaian Teknikal ke dalam sistem• Membuka Sebutharga/ Tender selepas ditutup secara atas talian (jika dilantik)	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai yang telah dilantik oleh Ketua Jabatan• Tidak boleh menjadi Pengerusi atau ahli dalam jawatankuasa Penilaian Kewangan bagi Sebutharga/ Tender yang sama
Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Teknikal	<ul style="list-style-type: none">• Memasukkan keputusan penilaian ke dalam sistem selepas penilaian teknikal dibuat• Membuka Sebutharga/ Tender selepas ditutup secara atas talian (jika dilantik)	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai yang telah dilantik oleh Ketua Jabatan• Tidak boleh menjadi Pengerusi atau ahli dalam jawatankuasa Penilaian Kewangan bagi Sebutharga/ Tender yang sama



SISTEM ePEROLEHAN PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



PERANAN PENGGUNA	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	PERANAN BOLEH DIJALANKAN OLEH
Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Memasukkan Kriteria Penilaian Kewangan sebelum sebutharga dipelawa atau tender diiklankan• Memasukkan keputusan penilaian ke dalam sistem selepas Penilaian Kewangan dibuat• Membuka Sebutharga/ Tender selepas ditutup secara atas talian (jika dilantik)	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai yang telah dilantik oleh Ketua Jabatan• Tidak boleh menjadi Pengerusi atau ahli dalam lain-lain jawatankuasa bagi Sebutharga/Tender yang sama
Urusetia Kementerian	Mengkoordinasi perolehan sebutharga/tender dari Jabatan/PTJ untuk di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga/Tender di peringkat Kementerian.	Pegawai yang menjadi urusetia bagi pelaksanaan sebutharga/tender di peringkat Kementerian
Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga	Membuat pemilihan muktamad pembekal semasa mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga berdasarkan Laporan Penyatuan yang telah disediakan oleh Urusetia yang mengandungi kedua-dua laporan dari Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan	Seorang sahaja bagi setiap PTJ



SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA



PERANAN PENGGUNA	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	PERANAN BOLEH DIJALANKAN OLEH
Pengerusi Lembaga Tender	Membuat pemilihan muktamad pembekal semasa mesyuarat Lembaga Tender berdasarkan Laporan Penyatuan yang telah disediakan oleh Urusetia yang mengandungi kedua-dua laporan dari Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan	Seorang sahaja bagi setiap Kementerian
Pengguna Pembekal	<ul style="list-style-type: none">• Menerima pelawaan Sebutharga• Memohon menyertai Sebutharga (Bagi pembekal yang tidak dipelawa)• Membeli dokumen Tender• Memasukkan cadangan teknikal dan cadangan harga ke dalam sistem• Menghantar dokumen sokongan ke peti sebutharga/Tender sekiranya diminta	Lebih dari satu pembekal akan menyertai sesuatu Sebutharga/Tender
Telecenter	Menjual tender melalui sistem ePerolehan di kaunter PTJ/Jabatan	Lebih dari seorang boleh menjalankan tugas ini